



Graduan TVET mampu cipta kecemerlangan

Berita Harian
Khamis, 28 Sept 2017

► Dua alumni politeknik berjaya dalam kerjaya dipilih jadi ikon

oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

• Shah Alam

Dua alumni politeknik yang menunjukkan kecemerlangan dalam kerjaya masing-masing dipilih sebagai Ikon Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sempena majlis pelancaran TVET Malaysia oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) di sini, semalam. Pemilihan mereka membuktikan graduan institusi pengajian tinggi (IPT) itu juga mampu melahirkan individu cemerlang dan seterusnya mencipta pelbagai kejayaan.

Alumni berkenaan ialah Nik Nasarudin Husain, 31 yang pernah mendapat pendidikan dalam jurusan Diploma Kejuruteraan Penyelegaraan Pesawat di Politeknik Banting, Selangor, manakala Selvestone Junit, 27, alumni Politek-

nik Kota Kinabalu, yang menamatkan pengajian dalam bidang Diploma Pemasaran.

Nik Nasarudin kini bertugas sebagai pakar ujian tanpa musnah (NDT) di syarikat miliknya sendiri iaitu Metal Wave Diagnostic Enterprise, manakala Selvestone pula bergelar pengarah urusan bagi syarikat pelancongan Panorama Paradise Sdn Bhd dan QLU Sabah Holidays & Tours Sdn Bhd.

Nik Nasarudin berjaya, kegagalan menamatkan pengajian ketika terpilih sebagai penerima biasiswa ke Jepun serta kematan adiknya memberi kesedaran kepada beliau untuk kembali bersungguh-sungguh dalam bidang pengajian.

“Ketika itu saya mencari bidang pengajian yang boleh diselesaikan

dalam tempoh masa yang pendek membuatkan saya memilih untuk mengikuti jurusan kejuruteraan Penyelegaraan Pesawat di Politeknik Banting, Selangor. Yang mengambil masa selama dua setengah tahun.

“Pembelajaran di politeknik hanya memberi pengetahuan mengenai asas teknikal. Melalui latihan praktikal selama sebulan di bengkel pula, saya mula kenal dengan bidang NDT seterusnya menjadi kerjaya pada hari ini,” katanya ketika ditemui selepas majlis pelancaran TVET Malaysia di sini.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot;

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Beri inspirasi

Sempena pelancaran itu, 14 lagi alumnii institusi TVET yang lain turut dipilih sebagai Ikon TVET kerana baru sahaja bertarikh dalam industri ini tetapi mereka anggap penghargaan ini sebagai pembakar semangat untuk mereka terus maju dalam perniagaan pada masa depan,” katanya.

Selvestone menubuhkan syarikat Panorama Paradise Sdn Bhd sejak lima tahun lalu berbekalkan



[FOTO BERNAMA]

Profil

→ **Nama penuh:**
Selvestone Junit
→ **Umur:** 27 tahun
→ **Asal:** Kelantan
→ **Program pengajian:**
Diploma Pemasaran,
Penyelegaraan Pesawat,
Politeknik Banting, Selangor
Sabah

→ **Nama penuh:**
Selvestone Junit
→ **Umur:** 27 tahun
→ **Asal:** Sabah
→ **Program pengajian:**
Diploma Kejuruteraan
Penyelegaraan Pesawat,
Politeknik Kota Kinabalu,
Sabah



[FOTO OSMAN ADNAN/BH]

modal daripada keluarga dan tiga bulan lalu, anak jati Sabah itu mengambilah pula syarikat QLU Sabah Holidays & Tours Sdn Bhd dan sudah berjaya menjana pendapatan RM80,000 melalui syarikat baharu itu dalam tempoh tiga bulan pengambilahan.

Dalam aspek praktikal
Beliau berkata, pengajian dalam bidang TVET di politeknik dan institusi TVET yang lain memberi peluang kepada pelajar untuk mendalami aspek praktikal dengan lebih mendalam malah melalui latihan amali yang diwajibkan oleh pihak institusi turut memberi pendedahan kepada pelajar mengenai dunia sebenar kerjaan.

“Graduan dalam bidang TVET sebenarnya mempunyai kelebihan dalam arena kerjaya kerana mereka sudah didekah dengan proses pembelajaran yang menyamai pengalaman sebenar dunia pekerjaan,” katanya.